

DATE	16/4/2012	SECTION	National
PAGE	1,6	COLUMN	SEMASA



Tunaikan haji perlu daya tahan mental dan iman teguh
- Muka 6

Pelaksanaan haji perlu daya tahan mental kuat, iman teguh, kata Nasir

SEMPORNA: Pelaksanaan Rukun Islam yang kelima bukannya semudah yang difikirkan kerana ianya memerlukan daya ketahanan mental yang kuat di samping memiliki keimanan teguh serta memiliki ilmu yang cukup untuk menghadapi pelbagai cabaran semata-mata untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT serta haji yang mabrur.

Sehubungan itu umat Islam yang dipilih mengikuti kursus asas haji hendaklah memahami dan menghayati ilmu mengerjakan rukun haji sepenuhnya untuk dipraktikkan semasa menunaikan haji di Tanah Suci Makkah Al-Mukarramah.

Menteri Di Jabatan Ketua Menteri, Datuk Sri Haji Nasir Tun Sakaran, menjelaskan, penting bagi semua bakal-bakal haji menghayati dan memahami semua ilmu haji semasa berkursus untuk dimanfaatkan semasa menunaikan haji kelak.

Katanya, ibadat haji merupakan ibadat utama dalam rukun Islam yang mana terangkum di dalamnya sifat sabar, pengorbanan masa, tenaga dan wang ringgit.

Beliau menambah, ibadah haji juga memerlukan daya kekuatan mental dan fizikal serta ketakwaan yang tinggi.

Nasir berkata demikian sempena merasmikan Kursus Asas Haji Musim Haji 1433H/2012M Peringkat Daerah anjuran Tabung Haji Semporna.

Hadir sama sempena majlis itu Timbalan Pengarah Tabung Haji Negeri Sabah, Muhammad Zaki Bajuri; Wakil Pegawai Daerah, Haji Abdullah Sukka; Pemimpin Unit Kemajuan Rakyat Kawasan Senallang,

Haji Tahir Amir; Ketua Daerah Semporna Dun Senallang; OKK Haji Musa Sabaani; Pengurus Tabung Haji Semporna, Haji Abdul Samad Mansur dan ketua pembimbing kursus haji, Haji Buldahim.

Kursus selama sehari itu berobjektif memberikan pendedahan dan panduan haji dan umrah kepada bakal-bakal haji serta berkaitan pengurusan haji & penjagaan kesihatan; persediaan awal sebelum berangkat ke tanah suci Mekah, pemantapan ilmu solat, tharah dan aurat asas kunci kesempurnaan ibadah haji; membantu mendaftarkan haji mabrur dan mendekatkan bakal haji dan Tabung Haji dengan warga kepim-

inan khususnya peringkat daerah Semporna.

Nasir berkata, pihak Tabung Haji sentiasa berusaha membantu bakal-bakal haji menunaikan fardu haji dengan meningkatkan perkhidmatan dari semasa ke masa supaya bakal tetamu Allah dapat menunaikan ibadat haji dengan lancar, selesa, sempurna berbekalkan ilmu pengetahuan berkaitan ibadat haji dan umrah.

Ujarnya lagi, semua bakal jemaah haji hendaklah sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan Tabung Haji Malaysia dan Kerajaan Negara Arab Saudi serta merujuk kepada Tabung Haji Malaysia sekiranya berhadapan dengan masalah semasa menjalankan ibadah haji.

Nasir yang juga menteri bertanggungjawab mengenai Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, menjelaskan niat yang ikhlas melahirkan ibadat yang sempurna dan akan mendapat ganjaran pahala yang besar dari-

pada Allah SWT.

"Tujuan ke tanah suci perlulah jelas serta mestilah ikhlas dengan niat dan tujuan semata-mata kerana Allah untuk menunaikan ibadat haji rukun Islam yang kelima," kata Nasir.

Katanya, bakal-bakal jemaah haji yang terpilih menunaikan haji tahun ini juga perlu sentiasa bersyukur sebagai tetamu Allah dengan melaksanakan rukun-rukun haji dan umrah dengan sempurna serta bersungguh-sungguh kerana Allah SWT.

Nasir yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kawasan Senallang, menasihati peserta kursus asas haji yang belum lagi disahkan menunaikan haji hendaklah bersabar dan berdoa semoga niat mereka akan tercapai.

"Kita bersyukur kerana dimaklumkan ada di antara peserta kursus ini telah mendapat status terpilih menunaikan haji tahun ini dana sebahagiannya masih lagi berstatus rayuan dan bagi peserta kursus yang masih menunggu dan belum terpilih perlu bersabar serta tidak berputus asa dengan rahmat dan kasih sayang Allah SWT," kata Nasir.

Sehubungan itu, Nasir juga memberitahu bahawa Daerah Semporna telah dipilih menjadi tuan rumah bagi Kursus Perdana Haji yang menghimpunkan seluruh jemaah

haji dari pantai timur termasuklah Sandakan, Lahad Datu dan Tawau.

Sempena majlis itu, Nasir menyampaikan cek sumbangan tajaan Akaun Baru Umat Islam Daerah Semporna dan menerima senarai bakal-bakal haji Semporna seramai 255 orang.



SUMBANGAN IKHLAS ... Nasir (tiga kiri) diringi Muhammad Zaki (dua kiri); Imam Losman Linjal Al-Hafidz(kiri); Abdullah Sukka (dua kanan) dan Buldahim (kanan) menyampaikan replika cek kepada Samad Mansur (tiga kanan).